

Penduduk Taman Tasik Bangi 3 kecewa masalah kolam takungan gagal diatasi

Bantu selesai masalah kami

Oleh MOHD. ZULFADLI SHARIFUDDIN

ANG 18 Sept. - "Berhentilah jaja secewa sendiri. Selesaikan penyelesaian masalah kami".

Jajahan rasa kecewa yang dihadapi penduduk Taman Tasik Bangi 3, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi dekat sini apabila pihak yang diharapkan dapat menyelesaikan masalah mereka seolah-olah berdebat. Jajahan tanggap memadamkan



Itinerary, Zainal 52, pula mencadangkan kerja pembersihan di kolam. Beliau berkata, "Saya akan memasang jagat pada demah levelaman. Khumanya kanal-kanal".

"Serap petang kolam dipenuhi oleh penduduk untuk menjalankan aktiviti perri zentaman, berjojo basikal".

"Kami juga bantu keselamatan kanak-kanak. Khasiat terajut ke terahit ketika berjojo. Turut melahut ialah Siti Robiah Abu. Katanya, dia tidak meringkisan kes melabak dengan hingga melabak di kawasan berjojo di

KERATAN Utusan Malaysia 19 September lalu.

Kerja-kerja pembersihan kolam akan dilaksanakan-JPS

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat akan menjalankan kerja-kerja pembersihan sampah di dalam kolam di kawasan perumahan Taman Tasik Bangi 3, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi dekat sini.

JPS memaklumkan, kerja-kerja tersebut bagi melancarkan aliran keluar kolam ke Sungai Langat.

"Kolam yang terlibat di kawasan itu adalah kolam tadahan jenis 'wet pond' yang menyalurkan air tadahan ke Sungai Langat. Ia mempunyai empat saluran masuk parit ke kolam.

"Kolam tadahan ini berfungsi sebagai kawalan tadahan air daripada sistem perparitan taman perumahan ini sebelum mengalir keluar ke Sungai Langat," menurut JPS dalam kenyataannya di sini hari ini.

Tambah JPS, punca pencemaran kolam adalah disebabkan sampah sarap daripada tiga parit utama yang memasuki kolam yang tidak

terkawal daripada memasuki kolam tadahan.

"Pihak JPS juga akan merujuk kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) agar pelaksanaan dan pemantauan kerja-kerja pembersihan parit utama secara berkala dilaksanakan.

"Ini berikutan parit-parit berkenaan di bawah penyelenggaraan pihak berkuasa tempatan itu," kata kenyataan itu lagi.

Dalam masa sama, pihak MPKJ turut dicadangkan supaya memasang perangkap sampah di tiga saluran masuk parit ke kolam tadahan supaya tiada lagi sampah memasuki kolam.

Pada 12 Ogos lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan mengenai kebimbangan penduduk Taman Tasik Bangi 3, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi mengenai masalah sebuah tasik di kawasan perumahan mereka yang didakwa mengeluarkan bau memualkan.